

SENI BAHASA DALAM LEKA PELIAN BERDASARKAN PERSPEKTIF TEORI METAFORA KONSEPTUAL

*(LANGUAGE ARTS IN “LEKA PELIAN” BASED ON THE PERSPECTIVE OF CONCEPTUAL
METAPHOR THEORY)*

Yanti Benson

yantibenson@gmail.com

Rosline Sandai

rosline@fbk.upsi.edu.my

Rohayati Junaidi

rohayati@fbk.upsi.edu.my

Saripah Banseng

bsaripah@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan.

Received: 3th January 2023; Accepted; 3th March 2023; Published: 19 April 2023

Abstract

“Leka pelian” is a traditional poem of the Iban community in the invocation category, which is used in traditional Iban healing rituals. Every word sung by the “manang” in “leka pelian” is decorated with figurative language and metaphors to add more beauty to the art of poetry. However, the lack of experts in “leka pelian” makes it difficult for the younger generation, especially the Iban community, to understand the figurative language and metaphors used in “leka pelian” by the “manang”. This has led to the younger generation showing less interest in delving into oral traditions such as “leka pelian”. Therefore, this study aims to analyse the meaning of the metaphors that shapes the “leka pelian” based on the conceptual metaphor theory of Lakoff and Johnson (1980). This study is qualitative and uses the Conceptual Metaphor Theory of Lakoff and Johnson (1980) to analyse the categories of metaphors found in “leka pelian”. Content analysis method is used to analyse each category of metaphor found in “leka pelian”. The findings show that the figurative language in “leka pelian” consists of abstract metaphors to reality, simile metaphors, animal metaphors, nature metaphors, as well as adapted and cultural comparison metaphors in their lives. The investigation shows that nature metaphors are more dominant than other metaphors because they are influenced by the surrounding nature, making nature a metaphor in communication. This category of metaphor is also used as a medium of communication between human world and the supernatural world. The implication of this research shows that the use of different categories of metaphor in “leka pelian” can increase

the knowledge of traditional healers and the Iban community, especially in terms of language skills.

Keywords: *Metaphor; Figurative Language; Leka Pelian, Conceptual Metaphor Theory*

Abstrak

Leka pelian merupakan puisi tradisional masyarakat Iban dalam kategori invokasi yang digunakan dalam ritual perubatan tradisional Iban. Setiap perkataan yang dilagukan oleh *manang* dalam *leka pelian* digayakan dengan bahasa kiasan metafora bagi menambahkan lagi keindahan seni berpuisi. Namun begitu, kekurangan golongan yang arif dalam *leka pelian* menyukarkan generasi muda khususnya masyarakat Iban kurang memahami bahasa kiasan metafora yang terdapat di dalam *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang*. Perkara tersebut menyebabkan generasi muda kurang berminat dalam mendalami tradisi lisan seperti *leka pelian*. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis maksud metafora yang membentuk *leka pelian* berdasarkan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) untuk menganalisis kategori metafora yang terdapat di dalam *leka pelian*. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis setiap kategori metafora yang terdapat di dalam *leka pelian*. Dapatan kajian menunjukkan bahasa kiasan *leka pelian* terdiri daripada metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam dan metafora perbandingan yang disesuaikan dicipta serta menjadi budaya dalam kehidupan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora alam lebih dominan berbanding metafora yang lain kerana dipengaruhi oleh alam sekeliling yang menjadikan alam sebagai kiasan dalam berkomunikasi. Kategori metafora ini juga digunakan sebagai medium komunikasi antara alam manusia dengan alam ghaib. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan kategori metafora dalam *leka pelian* dapat menambahkan pengetahuan pengamal perubatan tradisional dan masyarakat Iban khususnya tentang kemahiran berbahasa.

Kata Kunci: metafora; bahasa kiasan; *leka pelian*, Teori Metafora Konseptual

Pengenalan

Perubatan tradisional *pelian* berkait rapat dengan kepercayaan lama nenek moyang masyarakat Iban. Dalam perubatan tradisional *pelian*, puisi yang dilagukan oleh *manang* (pengamal ritual) dikenali sebagai *leka pelian*, iaitu merupakan puisi tradisional Iban dalam kategori Invokasi. Menurut Showren (2014), Invokasi merupakan permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau perlindungan kepada Tuhan. Dalam tradisi lisan, Invokasi ialah amalan untuk memohon sesuatu atau permintaan dalam bentuk doa dan mantera. Masyarakat Iban percaya bahawa perubatan tradisional terbahagi kepada tiga kategori. Kategori yang pertama ialah *Gawai Sakit* yang merupakan upacara ritual diadakan untuk meraikan pesakit. Kategori yang kedua ialah *begama* iaitu mengubati penyakit di bahagian badan pesakit dengan menggunakan jari. Kategori yang ketiga ialah *Pelian*, iaitu perubatan tradisional yang menggunakan khidmat *manang* atau

pengamal ritual. Mantera yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) semasa ritual *pelian* dikenali sebagai *leka pelian*. Ritual *pelian* diadakan untuk mengalahkan atau mengusir *antu* (roh jahat) yang menyebabkan manusia sakit. Ritual perubatan tradisional *pelian* ini juga bertujuan untuk mengejar, menangkap dan mengembalikan *semengat* (roh) yang pergi ke *dunya sebayan* (alam roh) (Sather, 2001).

Perkataan yang terkandung dalam *leka pelian* yang dilagukan oleh pengamal ritual berbeza mengikut daerah dan tempat masing-masing. Namun begitu, tujuannya masih sama, iaitu untuk menyembuhkan penyakit. Begitu juga dengan bahasa kiasan yang terdapat dalam setiap *leka pelian* yang digunakan adalah hampir sama kerana faktor alam dan budaya dalam kehidupan masyarakat Iban yang mempengaruhi kehidupan mereka. Bahasa kiasan yang digunakan oleh pengamal ritual dalam *leka pelian* mempunyai keunikan bahasa kiasannya yang tersendiri dalam berkomunikasi dengan alam ghaib semasa melagukan *leka pelian* (Sather, 2001). Oleh hal yang demikian, kajian ini menganalisis kategori metafora berserta maksud berdasarkan teori metafora konseptual yang ada dalam *leka pelian*.

Pelian merupakan ritual perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Iban untuk menyembuhkan pesakit dan meminta pertolongan daripada Dewa Perubatan, iaitu *Raja Menjaya*. Pengamal yang melagukan *leka pelian* dikenali sebagai *manang* yang mempunyai kemahiran menyusun serta menggunakan ungkapan yang dilafazkan secara spontan dalam binaan *leka pelian*. Kekurangan penekanan daripada golongan yang arif berkenaan dengan *leka pelian* ini menyebabkan generasi muda kini mengalami kesukaran dalam memahami bahasa kiasan metafora yang terdapat dalam *leka pelian*. Keadaan ini menjadi semakin kritikal apabila golongan tua yang arif dan berpengalaman semakin berkurangan. Puisi tradisi turut berdepan dengan cabaran untuk mengekalkannya daripada pupus kerana kurangnya minat untuk mewarisi seni tradisi dalam kalangan generasi baharu. Pada masa yang sama, wujud persaingan daripada budaya popular bersama teknologi moden yang jauh lebih menyeronokkan (Abang Sallehuddin Abg. Shokeran & Hashim Ismail, 2017). Hal ini sekali gus menambahkan kesukaran untuk mendapatkan panduan dalam memahami bahasa kiasan dalam *leka pelian*. Kesukaran golongan muda untuk memahami tradisi lisan menjadikan mereka kurang menikmati kebudayaan sendiri (Sandai, 2011). Hal ini unsur-unsur keindahan dalam *leka pelian* tidak dititikberatkan kepada golongan muda khususnya masyarakat Iban (Saripah Banseng & Sandai, 2017). Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk memahami dan meneliti keindahan bahasa yang terdapat dalam setiap kategori metafora yang membentuk *leka pelian* dari perspektif Lakoff & Johnson (1980).

Sorotan Literatur

Tradisi lisan disifatkan sebagai penerusan bahagian-bahagian, institusi-institusi dan unsur-unsur budaya seperti sistem kepercayaan, adat resam, peralatan, perubatan, cerita dongeng, ungkapan-ungkapan dan sebagainya yang diperturunkan dari satu generasi kepada generasi lain secara turun temurun (Liman et al., 2019). Sastera dan tradisi lisan orang Iban meliputi cerita dongeng, folklor, legenda dan mitos (Osup, 2019). Sastera lisan orang Iban bersifat kolektif dan fungsional kerana puisi yang terhasil bertujuan untuk kegiatan ritual. Selain itu, bentuk sastera lisan orang

Iban masih terikat oleh konvensi tertentu dan keterikatan telah memberi perbezaan dengan genre puisi tradisional etnik lain di Sarawak.

Bahasa kiasan ialah penyusunan kata untuk menterjemahkan fikiran dengan menghubungkaitkan kepada sesuatu yang lain (Asmah Omar, 2005). Metafora banyak digunakan dalam karya agung sebagai bahasa kiasan untuk menggambarkan pemikiran dan idea manusia (Rozaimah Rashidin & Nor Hashimah, 2013). Sehubungan dengan itu, bahasa kiasan yang digunakan dan puisi tradisional menjadi wahana pemikiran dan kognitif seseorang yang diluahkan melalui bahasa pengucapan (Ho, 2013). Penggunaan bahasa kiasan menunjukkan penggunaan bahasa lisan dan pemilihan kata yang sesuai sebagai kiasan dalam mantera mewujudkan tujuan tertentu kepada pengamal.

Bahasa kiasan digunakan untuk menyampaikan mesej dalam puisi tradisional Iban supaya penyampaiannya lebih menarik dan menunjukkan kesopanan semasa menyampaikan mesej kepada *Petara* (Saripah Banseng & Sandai, 2017). Di samping itu, keserasian antara unsur bahasa kiasan metafora memperlihatkan pelbagai maklumat seperti budaya, gaya pemikiran dan sudut pandangan sesebuah masyarakat (Suziana Mat Saad et al., 2017). Dalam pada itu, gaya bahasa kiasan merupakan kaedah, gaya dan kebijaksanaan pengarang untuk menyampaikan idea dalam penulisannya (Siti Norashikin et al., 2017). Bahasa kiasan metafora juga memberi gambaran makna tersirat tentang sifat manusia (Aini Hj Karim & Muhammad Fadzllah Hj Zaini, 2017). Keadaan ini memperlihatkan tentang keindahan sesuatu bahasa sebagai ungkapan dalam menyampaikan mesej melalui *leka pelian*.


Putra & Selohadi (2022) menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff & Johnson (1980) untuk menganalisis cara penutur berfikir. Hasil analisis menunjukkan bahasa dan pemikiran adalah saling mempengaruhi. Perkara tersebut disokong oleh Ginting dan Mulyadi (2020) dari Universiti Sumatera Utara yang menunjukkan bahasa dipengaruhi oleh emosi. Selain itu, Teori Metafora Konseptual Lakoff & Johnson (1980) digunakan untuk menganalisis metafora ontologi yang membawa maksud yang pelbagai berdasarkan penggunaan sesuatu konsep (Rachmawati, 2019). Berdasarkan kajian lepas, Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) banyak digunakan dalam menganalisis metafora bagi mendapatkan maksud dalam metafora berkaitan. Oleh itu, kajian ini sesuai menggunakan Teori Metafora Konseptual Lakoff & Johnson (1980) dan kajian lepas dijadikan panduan dalam melakukan analisis maksud metafora dalam *leka pelian*.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menerangkan secara mendalam bagi mencapai sesuatu objektif penyelidikan (Othman Lebar, 2017). Kaedah deskriptif digunakan untuk menerangkan, menganalisis dan menjelaskan sesuatu melalui teknik pelbagai, tinjauan, temu bual dan penelitian (Fraenkel & Walen, 1993). Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan temu bual separa struktur bagi mendapatkan data. Kaedah analisis teks merujuk pada pembacaan secara teliti yang dilakukan terhadap teks diikuti dengan pemilihan metafora untuk dijadikan fokus kajian (Rohayati Junaidi et al., 2018). Melalui analisis dan penelitian teks *leka*

pelian, metafora dapat dikenal pasti. Seterusnya, metafora tersebut dapat dihuraikan dengan bebas dan terbuka tentang makna dalam ritual perubatan masyarakat Iban di Sarawak.

Menurut Croft & Cruse (2004), metafora berasal daripada bahasa Yunani yang membawa maksud “memindahkan” secara etimologi. Kategori metafora dalam *leka pelian* dianalisis berdasarkan Teori Konseptual Metafora (Lakoff & Johnson, 1980). Berdasarkan teori tersebut, didapati wujud hubungan antara bahasa, fikiran dan pengalaman untuk membentuk struktur konseptual yang kompleks. Berdasarkan teori ini, unsur alam dan bukan alam merupakan lambang yang digunakan dalam pembentukan bahasa kiasan metafora *leka pelian*. Dengan erti kata lain, ranah sumber (*source domain*) digunakan manusia untuk memahami konsep abstrak dalam ranah sasaran (*target domain*) (Lakoff & Johnson, 1980) Konteks alam dan budaya yang mendasari kewujudan bahasa kiasan metafora menjadikan data dalam teks mudah dikenal pasti.



Rajah 1: Kerangka teori (ubah suai daripada metafora konseptual Lakoff & Johnson, 1980)

Penggunaan Teori Metafora Konseptual Lakoff & Johnson (1980) dalam kajian ini dapat dilihat dalam Rajah 1. Perbincangan berdasarkan kerangka dalam Rajah 1 bertujuan untuk memperlihatkan setiap kategori bahasa kiasan metafora yang digunakan dalam tiga buah *leka pelian* mempunyai makna pemikiran masyarakat penutur melalui Teori Metafora Konseptual. Kajian ini mengenal pasti kategori metafora yang terdapat dalam *leka pelian*. Lima kategori metafora dikenal pasti dan dipecahkan mengikut kategori, iaitu metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora unsur haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan metafora analogi. Seterusnya, kategori metafora akan dianalisis maksudnya untuk menunjukkan kepada penggunaan metafora sebagai pengantara alam manusia dengan alam ghaib dalam *leka pelian*.

Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa bahasa kiasan dalam *leka pelian* banyak menggunakan kategori metafora alam dan haiwan. Setiap kategori metafora yang digunakan oleh *Manang* (pengamal ritual) untuk menggambarkan sesuatu perkara di samping mengindahkan bahasa yang digunakan semasa menyampaikan *leka pelian*. Oleh itu, penggunaan kategori metafora saling berkaitan dengan alam sekeliling dalam *leka pelian* yang dilagukan oleh *manang* (pengamal ritual). Kategori metafora yang digunakan merangkumi metafora abstrak ke realiti, metafora perumpamaan, metafora berunsurkan haiwan, metafora alam, metafora perbandingan dan analogi. Perbincangan seterusnya merupakan penerangan kategori metafora bagi setiap bahasa kiasan yang dikenal pasti dalam *leka pelian*, iaitu:

Metafora Abstrak Ke Realiti dalam *Leka Pelian*

Pengamal ritual menggunakan metafora abstrak ke realiti dalam *ritual pelian*. Kategori metafora ini digunakan dalam *Pelian orang sakit di tunang utai*. *Pelian* ini menunjukkan pesakit diganggu oleh makhluk halus di alam roh. Metafora digunakan untuk menyatakan perbandingan supaya sesuatu hal yang sukar difahami menjadi lebih mudah difahami. Menurut Subet (2018), metafora mengungkap sesuatu perkara yang sengaja diserupakan kepada satu perkara yang lain, satu idea atau satu perlakuan. Masyarakat Iban juga turut menjadikan metafora sebagai asas berfikir bagi perkara-perkara abstrak yang cuba difahami dalam kehidupannya.

Jadual 1: Petikan 1 metafora abstrak ke realiti

Jenis <i>Pelian</i>	Teks puisi	Terjemahan
<i>Pelian orang sakit ditunang utai</i>	Oh, oh, oh kasai oh, <i>Bekeberai dih bunga kasai,</i> Gugur tuai ningang ulai ulak leletang.	oh, oh, oh kasai (Buah kristal) oh, <i>Bunga Kasai jatuh berguguran,</i> Gugur matang menimpa ombak yang deras,

Berdasarkan Jadual 1, metafora bunga kasai jatuh berguguran (Buah kristal) (*Bekeberai dih bunga kasai*) bunga kasai yang digunakan dalam *leka pelian* tersebut mewakili abstrak, iaitu sesuatu objek yang dapat dilihat dan dirasa. *Bekeberai* pula keadaan dasar antropologi manusia yang menjelaskan pembentukan makna secara metaforikal. Kategori metafora tersebut merupakan bahasa kiasan yang membandingkan atau menghubungkan sesuatu objek atau perkara dengan perkara yang lain. Oleh itu, metafora abstrak ke realiti ialah Bunga Kasai jatuh berguguran, Gugur matang menimpa ombak yang deras (*Bekeberai dih bunga kasai, Gugur tuai ningang ulai ulak leletang*). Sesuai dengan Teori Metafora Lakoff dan Johnson (1980), iaitu bunga kasai yang matang merupakan sumber domain (SD), manakala berguguran (*bekeberai*) adalah sumber sasaran (SS). Situasi ini menunjukkan perasaan sedih pada akhir tali percintaan yang harus diputuskan. Dalam konteks *pelian orang sakit ditunang utai*, *Bujang Melanji* dipaksa oleh *Manang* (pengamal ritual) untuk melepaskan pesakit atau memutuskan pertunangan dengan pesakit. Hal ini kerana roh pesakit diganggu oleh *Bujang Melanyi* yang menyebabkan pesakit sakit di dunia nyata.

Jadual 2: Petikan 2 metafora abstrak ke realiti

Jenis <i>Pelian</i>	Teks <i>pelian</i>	Terjemahan:
<i>Pelian Orang Sakit</i> <i>Di Tunang Utai</i>	<i>Kami Menani anang diuji</i> <i>Laban kami berani ati, tulung</i> <i>kempang, au kempang.</i> <u>Tuat-tuat bunga lensat tunsang dekai</u> <u>ketupang,</u> <i>au tupang,</i> <i>Baru jamat bala Rechap ka ngambi</i> <i>semangat</i> <i>Au taja tuai manang, au manang.</i>	Kami Menani (<i>yang manang</i>) jangan diuji Kerana kami berani sehabis hati, tidak teragak-agak, tidak takut, <u>Junjungan bunga langsung songsang tidak</u> <u>akan menjadi buah,</u> Barulah benar anggota Renchap (Gelaran untuk manang) hendak mengambil roh (roh pesakit) Ya sungguhpun ketua <i>manang</i> (pengamal ritual), ya <i>manang</i> (pengamal ritual)

Jadual 2 menunjukkan bahawa metafora junjungan bunga langsung songsang tidak akan menjadi buah (*Tuat-tuat bunga lensat tunsang dekai ketupang*). Berdasarkan Teori Metafora Lakoff & Johnson (1980), bunga langsung yang songsang berfungsi sebagai sumber domain (SD) dan junjung sebagai sumber sasaran (SS). Meskipun banyak bunga langsung sehinggakan terpaksa dijunjung atau ditongkat, jika ia sudah jatuh dari pokoknya semestinya ia tidak akan menjadi buah. Ini menunjukkan *Menani* dan anggota *manang* tidak akan berundur sama sekali dalam menentang *Bujang melanyi* untuk terus mengganggu pesakit. Ibaratnya seperti bunga langsung yang sudah jatuh dari pohonnya dan ia tidak akan kembali menjadi buah. Walau apa pun yang berlaku, *manang* (Rechap) mesti mengambil roh pesakit daripada genggaman *Bujang Melanyi* (entiti ghaib yang menunang pesakit).

Metafora Perumpamaan dalam *Leka Pelian*

Kategori metafora perumpamaan digunakan dalam *leka pelian*. Kategori ini digunakan dalam *pelian orang sakit ditunang utai*. Metafora merupakan peribahasa yang menyebut sesuatu maksud dengan diumpamakan atau dikiaskan kepada sesuatu perkara yang lain dan juga mempunyai maksud dua lapis. Makna lapisan pertama mengandungi makna yang harfiah, manakala makna dilapisan kedua membawa makna metafora. Dengan kata lain, metafora merujuk kepada pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan atau sebagai perbandingan dan kiasan. Kategori metafora perumpamaan juga digunakan dalam *leka pelian*, iaitu:

Jadual 3: Petikan 3 metafora perumpamaan

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Orang Sakit</i> <i>Di Tunang Utai</i>	<i>Oh, oh, oh, ringgas di gagang</i> <i>“Ni nuan Melanyi Bujang Lempung tak</i> <i>lubah datai?”</i> <i>Baru bala Bidu nepan di menagu bali</i> <i>belumpung,</i> <i>Ke sayap bala Rechap adi Chelung,</i> <i>Kangau kami Duau enggau sentalau</i> <i>ujung dabung,</i> <i>Enda ga nuan datai.</i> <i>Ambi kami <u>Ensung enggau geri leka</u></i> <u>gerunung.</u>	Oh, oh, oh, pokok yang tidak berdaun, “Di manakah dikau <i>Melanyi Bujang</i> <i>Lempung</i> lambat sampai?” <i>Bidu</i> baru naik Dijadikan sayap para <i>Rechap</i> (Gelaran untuk manang) adik <i>Chelung</i> , Kami seru <i>Duau</i> (<i>yang manang</i>) dengan seruan di hujung puncak Tidak jua engkau kemari. Diseru dengan <u>siulan bunyi loceng kecil.</u> Tidak jua kau mendengar

<p><i>Nadai ga nuan ninga telai jaku serengung, Lama kami udah naga ka utai diempa piring tepung, Sekumbang kedang bulan kembung.</i></p>	<p>Sekian lama kami sediakan hidangan piring tepung buat mu, Semenjak bulan penuh.</p>
---	--

Jadual 3 memperlihatkan bahawa loceng kecil (*leka gerunung*) merupakan metafora perumpamaan selaras dengan Teori Metafora Lakoff dan Johnson (1980) dalam *leka pelian*. *Manang* (pengamal ritual) dan *yang* (pendamping *manang*) menyeru *Bujang Melanyi* (entiti ghaib), namun *Bujang Melanyi* lambat tiba. Walaupun diseru umpama bunyi loceng yang nyaring, *Bujang Melanyi* masih juga belum tiba untuk bertemu *manang* dan pendamping roh *manang*. Dalam situasi ini, loceng kecil (*geri leka gerunung*) ialah sumber domain (SD), manakala siulan atau seruan yang nyaring merupakan sumber sasaran (SS). Seruan *manang* (pengamal ritual) diumpamakan seperti bunyi loceng kecil yang nyaring (*leka gerunung*) dalam usaha menyembuhkan pesakit.

Jadual 4: Petikan 4 metafora perumpamaan

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai</i>	<i>Oh, oh, duduk betentang, "Uji kitu dulu nuan Melanyi Bujang Tinggi, Kami Jelapi ka bersendi kerigai jarang.</i>	Oh, oh, duduk betentang, Kemarilah dikau <i>Melanyi Bujang Tinggi</i> , Kami <i>Jelapi</i> ingin berdamping seperti tulang rusuk jarang.

Jadual 4 menunjukkan metafora perumpamaan, iaitu *leka pelian bersendi kerigai jarang* (berdampingan seperti tulang rusuk jarang) yang digunakan dalam *leka pelian* tersebut. Berdasarkan Teori Metafora Lakoff & Johnson (1980), tulang rusuk jarang merupakan sumber domain (SD), manakala berdampingan (*bersendi*) merupakan sumber sasaran (SS). Dalam konteks *pelian* ini, seruan *manang* (pengamal ritual) menyeru *Bujang Melanyi* (entiti ghaib) untuk berbicara secara dekat dengan diwakili oleh *yang manang* (pendamping roh *manang*), iaitu *Jelapi*. Oleh itu, kedekatan antara satu sama lain diibaratkan seperti duduk bersebelahan tulang rusuk. Metafora perumpamaan yang digunakan oleh *manang* (pengamal ritual) menunjukkan semangat dan menunjukkan keakraban antara *manang* (pendamping roh *manang*) dalam berkomunikasi di *Dunya Sebayan* (alam roh). Hal ini akan memudahkan proses *manang* (pengamal ritual) untuk mendapatkan roh pesakit semasa ritual perubatan tradisional Iban.

Metafora Berunsurkan Haiwan dalam *Leka Pelian*

Kategori metafora berunsurkan haiwan merupakan sebahagian daripada alam. Walau bagaimanapun, terdapat kategori berasingan untuk binatang dalam kerangka metafora yang disarankan oleh Abdul Wahab (1995), maka metafora berunsurkan haiwan dianalisis berasingan daripada kategori metafora berunsurkan alam. Tambahan pula, masyarakat Iban sangat sinonim dengan alam sekeliling (Sandin, 1980). Oleh itu, metafora berunsurkan haiwan juga digunakan

dalam *leka pelian belanchar ba Wung* menjadi media komunikasi pengamal ritual dengan alam ghaib.

Jadual 5: Petikan 5 metafora berunsurkan haiwan *Pelian Kara Pejuang*

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Kara Pejuang</i>	<p><i>Oh, kami enda kakang masuk kepiu baju panjai,</i> <i>Terebai kami ngansau semengau sida indai Burung Ruai,</i> <i>Ada nipas puting baju panjai sida Gendai</i> <i>Kelapung (hujung) burai (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) gerunung sanggang (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga), oh sanggang.</i></p>	<p>Kami tidak teragak-agak memakai perisai baju panjai, Kami terbang mencari roh Ibu Burung Ruai, Lahir menepis hujung baju panjai Gendai, Kelapung (hujung) burai (rambu pada rantai leher yang diperbuat daripada manik) gerunung sanggang (loceng kecil yang diperbuat daripada tembaga), oh sanggang</p>

Jadual 5 memaparkan bahawa Burung Ruai atau Kuai (nama Latinnya *Argusianus Argus*) adalah metafora haiwan dalam *leka pelian belanchar ba Wung*. Dalam konteks *leka pelian* ini, burung ruai ialah sumber domain (SD), manakala sumber sasaran (SS) ialah kegagahan selaras dengan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980). Bagi masyarakat Dayak khususnya Iban, haiwan yang tinggal di atas pohon atau di langit lebih diagungkan daripada haiwan yang tinggal di tengah hutan. Burung Ruai juga menjadi elemen yang penting bagi masyarakat Dayak kerana memiliki banyak sejarah disebalik lahirnya Burung Ruai dan memiliki peran penting bagi masyarakat Dayak itu sendiri. Burung Ruai memiliki bulu sayap dan ekor yang sangat Panjang serta dihiasi dengan bintik-bintik besar menyerupai mata serangga ataupun *oceli* yang melambangkan kegagahan. Bagi masyarakat Dayak, satu bulatan atau satu mata yang ada pada setiap helai bulunya membawa maksud sebuah gong. Gong bagi masyarakat Dayak merupakan mas kahwin untuk menikah dan sebuah benda yang berharga mahal (Rusanda, 2015). Begitu juga dengan perwatakan pendamping roh *manang (yang)* yang pergi ke *Sebayan* (alam roh) untuk mengambil roh pesakit yang bermimpi karam. Mereka gagah dan tidak gentar untuk bertempur dengan entiti ghaib di alam roh kerana mempunyai perisai yang cukup.

Jadual 6: Petikan 6 metafora haiwan *Pelian Belanchar Ba Wung*

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Belanchar Ba Wung</i>	<p><i>Oh, awa,</i> <i>Tak ruat-ruat mih yang kitai berani changka,</i> <i>Belanchar belabuh ke di wung ringkat tiga,</i> <i>Ngagai menua sida Endu Dara Rambai Geruda,</i> <i>Ngansau semengau sida Endu Dara,</i> <i>Lama udah sakit ke di kulit senda rasa,</i> <i>Dia iya balat nyelai tak beli</i></p>	<p>Oh, awa, Sagat berani yang (pendamping roh) kita, Mula meluncur ke air terjun tiga tingkat, Ke dunia <i>Endu Dara Rambai Geruda</i>, Mencari roh mereka <i>Endu Dara</i>, Lama sudah menghadapi sakit kulit, Oleh itu dia aneh seolah-olah bodoh seperti orang gila, Oh, jika begitu, Janganlah kau ragu-ragu menyeru yang (pendamping roh) kita Buaya,</p>

<p><i>panggung gila.</i> <i>Oh, enti munyi nya,</i> <i>Anang kakang kitai ngumbai yang</i> <i>kitai Baya,</i> <i>Dia tinda kitai belanchar enggau</i> <i>singkap pinggai kemuja,</i> <i>Nepan di pala yang kitai Baya,</i> <i>lya endang berani nukangka nyawa</i> <i>pun rang, au rang.</i></p>	<p>Kita akan meluncur dengan menggunakan sekeping pingan, Menungang kepala yang (pendamping roh) kita Buaya, Ia sangat berani membuka mulut dengan luas,</p>
--	---

Jadual 6 menunjukkan metafora haiwan, iaitu buaya yang berfungsi sebagai sumber domain (SD). Sifat yang terdapat pada buaya, iaitu berani merupakan sumber sasaran (SS). Dalam *leka pelian* ini, *manang* (pengamal ritual) menggunakan buaya kerana *Pelian Belanchar Ba Wung* merupakan ritual untuk sakit mimpi karam perahu di sungai. Sifat buaya yang tinggal di dalam air menyebabkan *manang* (pengamal ritual) menggunakan khidmat yang (pendamping roh) buaya untuk mencari roh pesakit di *Sebayan* (alam roh). Masyarakat Iban sangat sinonim dengan buaya sebagai simbol keberanian. Segelintir penduduk Iban di Sarawak percaya bahawa legenda buaya raksasa Bujang Senang yang mengganas di Sungai Batang Lupar, Sarawak sekitar 1980-an berasal daripada seorang manusia yang disumpah menjadi haiwan ganas berkenaan (Hu, 2016). Mengikut mitos masyarakat terabit, buaya jelmaan itu ialah pahlawan Iban bernama *Simalungun*. Kehebatan *Simalungun* terserlah pada zaman *mengayau* (memotong kepala) dan ramai musuh terkorban di tangannya. Kehebatan *Simalungun* dikaitkan dengan ilmu kebal yang dimilikinya sehingga badannya tidak lut jika ditetak senjata.

Metafora Alam

Kategori metafora alam juga digunakan oleh pengamal ritual dalam *leka pelian* yang dilagukan. Kategori metafora alam digunakan dalam *pelian orang sakit ditunang utai*. Hubungan karya kreatif sastera dengan pencipta dan masyarakat adalah hubungan yang amat halus serta bermakna. Karya kreatif menjadi objek utama dalam sesebuah karya.

Jadual 7: Petikan 7 metafora alam

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai</i>	<p>"Au," ku jaku Gendai, "Kebuah aku laun datai Ari bukit ba pun bungai sepiak menua Mandai, Aku agi belala begulai enggau Dara Pandai Ngambi engkerebai ringgas di gagang".</p>	<p>"Ya" kata Gendai, "Aku lambat sampai kerana Dari bukit pokok bunga sebelah dunia Mandai (alam roh), Aku masih tidak puas bersama dengan Dara Pandai Masih mekar meskipun tidak berdaun di tangkai".</p>

Merujuk kepada Jadual 7, frasa "dari bukit di pokok bunga sebelah dunia *Mandai*" (alam roh) merupakan metafora alam. Sesuai dengan Teori Metafora Lakoff & Johnson (1980), frasa "bukit di pohon bunga" dijadikan sumber domain (SD) dan keadaan di dunia *Mandai* (alam roh) sebagai sumber sasaran (SS). Bunga adalah lambang kepada simbol atau lambang cinta abadi (Rukmana, 1995). Dalam *leka pelian sakit ditunang utai*, *Gendai* (entiti ghaib) lambat sampai

untuk bertemu dengan *manang* (pengamal ritual) kerana dia masih tidak puas bersama dengan *Dara Pandai* kerana cintanya abadi terhadap *Dara pandai* tersebut. *Gendai* juga masih berat hati untuk menyerahkan *Dara Gendai* (roh pesakit) kepada *manang* (pengamal ritual) kerana masih sayang terhadapnya. Maka, pohon bunga ialah lambang kepada cinta *Gendai* yang begitu kuat di dunia *mandai* (alam roh).

Jadual 8: Petikan 8 metafora alam

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai</i>	<i>Masukka labung tinggi ujak suli genalang ngembang, Laban iya agi belala mai aku ngambi lemba Ke bejila ya merundai di gagang.</i>	Pakai topi (seperti tengkolok) Kerana masih tidak puas untuk mengambil daun lemba (piper umbellatum) Yang berjela di tangkai.

Metafora dalam petikan 8 di atas masih menggambarkan perasaan *Gendai* (yang *manang*) yang lambat datang apabila diseru oleh *manang* (pengamal ritual). *Lemba* (*piper umbellatum*) merupakan sumber domain (SD) dan sumber sasaran (SS) ialah rupa bentuk serta sifatnya. Di kawasan Borneo, *daun lemba* memainkan peranan dalam upacara penyembuhan penyakit mistik. *Lemba* atau lebih dikenali sebagai Pinang Puyuh, iaitu sejenis tumbuhan yang tumbuh secara berumpun yang agak besar yang biasa ditemui di kawasan belukar yang agak redup dan terlindung daripada cahaya matahari. Dalam konteks *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai*, *daun lemba* amat sinonim dengan masyarakat Iban kerana kegunaannya yang menyeluruh. Ia amat berguna dalam kehidupan seharian bermula dari daun sehingga ke akarnya. Oleh itu, dalam *leka pelian* daun berkenaan diambil untuk kegunaan dalam kehidupan seharian yang menyebabkannya terlambat sampai apabila diseru. Metafora alam yang digunakan dalam *Pelian Orang Sakit Di Tunang Utai*, iaitu *lemba* (*piper umbellatum*) untuk menyatakan keadaan *Gendai* yang melambatkan kedatangannya.

Metafora Perbandingan dan Metafora Analogi dalam *Leka Pelian*

Analogi dan Metafora membuat perbandingan antara dua objek atau konsep yang tidak berkaitan dan berbeza. Analogi membuat perbandingan antara dua perkara sedemikian rupa sehingga dapat melihat hubungan antara keduanya. Metafora adalah sejenis ucapan yang membantu untuk membuat perbandingan antara kedua-dua perkara. Secara ringkasnya, analogi adalah perbandingan antara dua perkara dan metafora merupakan alat yang digunakan untuk membuat perbandingan ini. Ini boleh disebut sebagai perbezaan utama antara analogi dan metafora. Kategori metafora perbandingan dan analogi juga digunakan dalam *leka pelian*. Kategori ini digunakan dalam *pelian orang sakit ditunang utai*.

Jadual 9: Petikan 9 metafora perbandingan dan metafora analogi

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian orang sakit di tunang utai</i>	<p><i>Oh, oh, oh, peransang tulang, "Ni nuan entupan laun datai?" ku melanyi Bujang Besai, Kangauka bala Duau nyerumba silau hari lemai, Tutung sida enggau gerunung geri Brunei Lama kami Gepa udah ngaga utai diempa piring rendai, <u>Asai makai kamai sempadan arang.</u></i></p>	<p>Oh semangatku "Di manakah dikau pusaran air yang lambat sampai?" kata Bujang Besai Menyeru rombongan <i>Duau</i> di senja hari, Lama mereka dengan tulang loceng kecil dari Brunei, Sudah lama kami <i>Gepa</i> sudah menyediakan hidangan persembahan untuk semangat Dewa Dewi, <u>Seperti rasa arang telur sempidan (sejenis burung)</u></p>

Jadual 9 menjelaskan kategori metafora perbandingan dan analogi menunjukkan erti bahawa hidangan persembahan yang telah lama disiapkan diumpamakan seperti rasa telur burung *sempidan* yang dibakar lama sehingga menjadi arang. Telur *sempidan* (sejenis burung) ialah sumber domain (SD) sesuai dengan teori metafora konseptual Lakoff dan Johnson (1980), manakala, rasa arang adalah sumber sasaran (SS). Sumber sasaran merujuk kepada kepahitan sebuah penantian. *Manang* menggunakan perumpamaan ini kerana semakin lama telur *sempidan* dibakar semakin hangus dan pahit rasanya. Dalam *leka pelian ditunang utai* ini, semakin lama dibiarkan semakin perit pesakit menahan sakitnya.

Hal ini sama dengan *manang* yang perit menanti kedatangan *Bujang Melanyi* (entiti ghaib yang *menunang* pesakit) untuk berbicara dengannya supaya mengembalikan roh pesakit meskipun makanan persembahan (*piring rendai*) telah disediakan. Namun, *Bujang Melanyi* (entiti ghaib yang *menunang* pesakit) melengahkan masa. Hal ini kerana *Bujang Melanyi* (entiti ghaib yang *menunang* pesakit) enggan berpisah dengan *Dara Pandai* (pesakit). *Manang* bertarung nyawa semasa menjalankan ritual *Pelian* pergi ke *Sebayan* (alam roh) untuk mengambil roh pesakit yang *ditunang* oleh entiti ghaib. Oleh itu, dalam konteks ini, *telur sempidan* (sejenis burung) menjadi sumber domain (SD), manakala rasa arang yang menunjukkan kepahitan dan keperitan yang dialami pesakit serta *manang* menjadi sumber sasaran (SS).

Jadual 10: Petikan 10 metafora perbandingan dan metafora analogi

Jenis <i>Pelian</i>	Teks	Terjemahan
<i>Pelian Kara Pejuang</i>	<p><i>Tulung uji tua ma Ulih yang kitai kekamba Manang berambau dara au dara Bai terebai semengat kitai Gendai pulai ke menua, Sida indai tu tadi sakit enda nyamai, Bai kita pulai, Bai yang kitai Mentawai chita au chita. Enda lama kami baru leka pelian nya, Kitai Nyara ke telengga,</i></p>	<p>Cuba kita pikul Bolehkah kita <i>Manang</i> bersama dara Bawa terbang roh <i>Gendai</i> kembali ke dunia, Ibu mereka sakit tidak selesa, Bawa kembali, Bawa yang <i>Mentawai chita</i> Sebentar saja masih baru <i>leka pelian itu</i>, Kita menyambut yang terbuka, Roh diambil kita kembali Ke tulang selangka sungguhpun rumah sakit tenat</p>

Semangat diambil kitai pulai
Ngagai jangka taja rumah raya, au
raya.

Berdasarkan jadual 10 menunjukkan *Ngagai jangka taja rumah raya* merupakan metafora perbandingan dan analogi dalam *Pelian Kara Pejuang*. Rumah merupakan sumber domain (SD), manakala *rumah raya* merupakan sumber sasaran (SS) selaras dengan teori Metafora Konseptual Lakoff & Johnson (1980). Dalam konteks *pelian* tersebut *rumah raya* merujuk kepada badan pesakit di alam nyata. *Manang* (pengamal ritual) mesti mengambil roh pesakit daripada roh jahat meskipun pesakit sudah tenat di rumah. Hal ini kerana jika roh pesakit berjaya diambil daripada roh jahat, maka roh ini mampu menjadi kekuatan kepada badan pesakit yang lemah. Secara tidak langsung menyembuhkan pesakit daripada penyakit yang dihidapi. Petikan tersebut menunjukkan penggunaan metafora yang menjurus kepada tahap kesihatan tempat yang didiami oleh pesakit. Ia dibandingkan dengan keadaan rumah yang tidak aman. Hal ini kerana keadaan pesakit yang semakin tenat berada dalam rumah tersebut. Apabila terdapat orang sakit di dalam sesebuah rumah, maka rumah tersebut dianggap *tidak amat* atau panas dalam masyarakat Iban.

Kesimpulan

Kajian mendapati terdapat lima kategori metafora yang membentuk *leka pelian*. Struktur metafora berdasarkan Teori Metafora Konseptual Lakoff dan Johnson (1980) ialah sumber domain (SD) ke sumber sasaran (SS) (Xu, 2015). Croft & Cruse (2004) menyatakan bahawa sistem konseptual dalam metafora adalah untuk memberi perlambangan kepada sesuatu objek atau perkara melalui ungkapan bahasa. Fungsi kognitif metafora ialah gaya bahasa kiasan atau perbandingan yang menyebut dua perkara berbeza tanpa menggunakan perkataan perbandingan (Deignan, 2005). Berdasarkan dapatan kajian membuktikan bahawa kelima-lima kategori metafora terdapat dalam *leka pelian*. *Leka pelian orang sakit ditunang utai* mempunyai kesemua metafora tersebut. Kategori metafora dalam *leka pelian* menjadi bahasa ungkapan sebagai medium komunikasi *manang* (pengamal ritual) dengan entiti ghaib di alam roh (sebayan) metafora sesuai digunakan sebagai medium komunikasi kerana bersifat sopan dan lemah lembut. Metafora juga menjadi bahasa ungkapan kepada penulis atau pengarang dalam hasil karya kerana setiap bahasa mempunyai sistem tersendiri. Justeru, kajian terhadap *leka pelian* perlu diperbanyakkan supaya khazanah bangsa dapat dilestarikan dan kekal sebagai identiti masyarakat Iban.

Rujukan

- Abdul Wahab. (1995). *Isu linguistik: Pengajaran bahasa dan sastra*. Air Langga University Press.
- Abang Sallehuddin Abg. Shokeran, & Hashim Ismail. (2017). Tukang ensera: Seni tradisi berdepan cabaran modenisasi: *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 28(1), 1-20. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9612>
- Aini Karim, & Muhamad Fadzllah Hj Zaini. (2017). Analisis metafora konsepsi kemuliaan manusia dalam Syair Nasihat Nukilan Sultan Haji Omar “Ali Saifuddin Sa”Adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam ke-28: Perspektif Awalan Semantik Kognitif. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 5(1), 1–16.
- Asmah Omar. (2005). *Budaya dan bahasa kiasan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Croft, W., & Cruse, D. A. (2004). Cognitive linguistics. *Cognitive Linguistics*, 3(2), 15-356.
- Deignan, A. (2005). *Metaphor and corpus linguistics*. John Benjamins.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (1993). *How to design and evaluate research in education*. McGraw-Hill.
- Ginting, J. Br., & Mulyadi. Emosi dalam bahasa Karo: Teori Metafora Konseptual *Linguistik: Jurnal Bahasa & Sastra*, 5(1), 58-62. 10.31604/linguistik.v5i1.57-
- Ho, W. S. (2013). Bahasa figuratif sebagai wahana pemikiran: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(1), 39-63.
- Hu, A. L. (2016). Masyarakat Iban dan alam sekitar dalam fiksyen terpilih Jong Chian Lai: Satu kritikan keadilan ekologi [Unpublished Doctoral dissertation]. Universiti Sains Malaysia.
- Jabu, E. (1989). *Historical perspective of Iban*. *Sarawak Museum Journal*, XL, 61, 21-32.
- Rohayati Junaidi, Tengku Mohd Ali, & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2018). Mesosistem dalam novel kanak-kanak terpilih. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 29 (1), 181–200. <https://mjes.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/15370>.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphor we live by*. The University of Chicago Press.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). Conceptual metaphor in everyday language. *The Journal of Philosophy*, 77(8),453-486.
- Liman, J. E., Saga, B. A., & Tugang, N., & Anggo, F. (2019). Tradisi lisan Timang Gawai Kelingkang Nanga dalam masyarakat Iban di Sarawak: Satu penelitian awal. *Jurnal*

- Dunia Pengurusan, 1(3), 30-35.*
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/7464>
- Noriza Daud. (2007). Unsur metafora dalam pantun: Suatu Pendekatan Semiotik. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS), 18(1), 120-134.*
<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9739>.
- Osup, C. (2019). The oral literature of the Iban in Borneo. *Muallim Journal of Social Science and Humanities, 3(2), 132-140.*
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Putra, D. S. A., & Selohadi, L. S. M. (2022). Tinjauan atas relasi bahasa dan pikiran serta implikasinya terhadap penerapan Teori Metafora Konseptual. *Metafora: Jurnal Lintas Disiplin Studi Metafora., 1(1), 15-34.* <https://doi.org/10.26877/mf.v1i1.10694>.
- Rachmawati, D. (2019). Metafora tangan dalam idiom bahasa Jepang berdasarkan Teori Metafora Konseptual. *LITE: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Budaya, 15(1), 31-47.* <https://doi.org/10.33633/lite.v15i1.2393>.
- Rozaimah Rashidin, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2013). Metafora Kasih dalam Karya Agung Melayu: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Linguistik, 17(1), 19-28.*
- Rukmana, R. (1995). *Bertanam wortel*. Kanisius.
- Rusanda. (2015). *Beauty or Ruai*. Institut Seni Indonesia Yogyakarta.
- Sandai, R. (2011). *A Survey on problems faced by Iban Language secondary school teachers. The head Foundation*. Routledge Critikal Studies in Asean Education.
- Sandin, B. (1980). *Iban Adat and augury*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Saripah Banseng, & Sandai, R. (2017). Unsur Bahasa Kiasan Metafora dalam *Sampi Iban. Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA), 8, 116-121.*
- Sather, C. (2001). *Seeds of play, words of power: An ethnographic study of Iban shamanic chants*. The Tun Jugah Foudation in cooperation with The Borneo Research Council. <https://doi.org/10.4000/moussons.2528>.
- Showren, T. (2014). Oral traditions: Method to adaptation of construction of the history of non-literate tribes. *International Journal of Social Science and Humanity, 4(6), 478- 481.*
- Subet, M. F. (2018). Analisis teori relevan dalam metafora. *Jurnal Bahasa, 18 (1). 159-188.*
- Siti Norashikin Mohd Khalidi, Nor Azuwan Yaakob, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Makna Siratan Bahasa Figuratif dalam Cerpen Melayu Karya Lim Swee Tin. *Journal of Business and Social Development, 5(2), 75-94.*

Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin, & Imran Ho Abdullah. (2017). Kehidupan Adalah Perjalanan: Analisis Metafora Konseptual dalam *Salina* dan *La Vie Devant Soi*. *Akademika*, 87, 189-205.

Xu, Y. (2015). A cognitive poetic approach to the function of metaphor. *Advances in Literary Study*, 3, 84-88.